

7.0 TERAS 4 : ALAM SEKITAR MAMPAN

7.1 Sektor Alam Sekitar

7.1.1 Garis Panduan Alam Sekitar

Jadual 7.1.1: Garis Panduan Alam Sekitar

KATEGORI KSAS	KAWASAN TERLIBAT	GARIS PANDUAN KAWALAN PEMBANGUNAN
Tahap 1 (Kawasan Perlindungan Sepenuhnya)	<ul style="list-style-type: none"> i. Taman Negara ii. Kawasan Hutan berketinggian >1000 m dari paras laut: <ul style="list-style-type: none"> • Sebahagian HSK Gng. Aais • Sebahagian HSK Berkelah • Sebahagian HSK Tekai Tembeling • Sebahagian HSK Jerantut iii. Hutan Dara (Sg. Tekam) iv. Hutan Lipur :- <ul style="list-style-type: none"> • HL Jeram Nusa • HL Lata Meraung • HL Som v. HL Ulu Tembeling Kawasan berkecerunan melebihi 35° (Kelas IV) 	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pembangunan guna tanah, pertanian atau pembalakan dibenarkan kecuali pelancongan semulajadi berimpak rendah dan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R & D). ii. Bagi kawasan berhutan dalam Hutan Simpan Kekal yang mempunyai ketinggian 1, 000 m dari paras laut dan ke atas hendaklah dikekalkan sebagai Hutan Perlindungan Tanah dan Hutan Tadahan Air. <ul style="list-style-type: none"> i. Projek pembangunan di dalam kawasan ini tidak dibenarkan sama sekali kecuali pembinaan jalan raya yang tidak dapat dielakkan dan mengutamakan pembinaan terowong atau jambatan. ii. Pemaju hendaklah menjalankan kajian EIA terperinci sebelum projek dimulakan, menyediakan <i>Bill of Quantities</i> berdasarkan Arahan Teknik JKR (jalan) 16/03 dan mematuhi <i>Geotechnical Design Requirement</i> JKR semasa kerja-kerja pembinaan dilaksanakan.
Tahap 2 (Kawasan Pembangunan Terhad)	<ul style="list-style-type: none"> i. Kawasan dalam zon penampaan 200 m dan 1.5 km dari sekeliling sempadan Taman Negara ii. Kawasan Hutan berketinggian 300 – 1000 m dpl :- <ul style="list-style-type: none"> • Sebahagian HSK Berkolah • Sebahagian HSK Gunung Aais • HSK Gunung Aais (Tambah) • HSK Jerantut • HSK Jerantut (Tambah) • HSK Som • HSK Tekai Tembeling • HSK Tekai (Tambah) • HSK Tekam • HSK Ulu Beruit • HSK Ulu Mas • HSK Yong • HSK Yong (Tambah) 	<ul style="list-style-type: none"> i. Zon penampaan 200 m dari sekeliling sempadan Taman Negara : Kawasan pemuliharaan yang diuruskan di bawah Pelan Pengurusan Taman Negara. ii. Zon penampaan 1500 m dari sekeliling sempadan Taman Negara : Kawasan yang tidak dibenarkan sebarang aktiviti pembalakan. <ul style="list-style-type: none"> i. Tidak dibenarkan sebarang pembangunan perbandaran atau pertanian. ii. Pembalakan berimpak rendah dan pengusaha hasilan kayu-kayu dibenarkan di kawasan hutan yang diurus di bawah Sistem Pengurusan Memilih (SMS). <p>Hanya aktiviti pelancongan dan rekreasi berimpak rendah dibenarkan dengan syarat-syarat yang ketat bergantung kepada halangan setempat.</p>

ALAM SEKITAR

Sambungan Jadual 7.1.1

Tahap 2 (Kawasan Pembangunan Terhad)	iii. Kawasan berkecerunan $25^\circ - 35^\circ$ (Kelas III)	<ul style="list-style-type: none"> i. Projek Pembangunan di dalam kawasan ini boleh dipertimbangkan setelah mengambil kira akan hasil Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA). ii. Pembangunan Kelas Bercampur tidak menyentuh kawasan yang dikategorikan sebagai Kelas IV, manakala pembangunan yang sebahagian kawasannya diklasifikasikan sebagai Kelas III, laporan EIA perlu disediakan bagi keseluruhan kawasan projek. iii. Projek pertanian tidak dibenarkan di kawasan ini.
Tahap 3 (Kawasan Pembangunan Terkawal)	<ul style="list-style-type: none"> i. Tapak Arkeologi dan Prasejarah <ul style="list-style-type: none"> • Burau, Jerantut • Gua Batu, Kota Tongkat • Gua Jerai • Gua Kota Gelanggi • Gua Orang Bertapa • Kota Gelanggi, Kota Tongkat • Ladang Jerantut • Jeram Koi • Bukit Komel • Kuala Nyong • Kg. Bantal • Gua Luas • Kota Balai • Gua Angin <p>Gua Tapa ii. Kawasan berkecerunan $15^\circ - 25^\circ$ (Kelas II)</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan dilaksanakan berdasarkan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 (Akta 46), Akta Perancangan Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1995 (Pindaan) (Akta A933), Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), dan Enakmen Negeri. ii. Pemeliharaan monumen lama – bangunan berusia melebihi 100 tahun diwartakan sebagai ‘Monumen Lama dan Tapak Bersejarah’ dan ditegah dari diroboh, diubahsuai dan sebagainya kecuali dengan kebenaran Ketua Pengarah Muzium. iii. Pemeliharaan arkeologi – setiap penyelidikan atau penggalian arkeologi perlu mendapat kebenaran Ketua Pengarah Muzium supaya aktiviti ini dijalankan oleh mereka yang mempunyai kapakanan. <ul style="list-style-type: none"> i. Projek Pembangunan di dalam kawasan ini dibenarkan dengan mematuhi sepenuhnya Garis Panduan Pembangunan Di Kawasan Bukit 1997 (Jabatan Kerajaan Tempatan), Garis Panduan Kawasan Hakisan dan Kelodakan, 1996 (Jabatan Alam Sekitar) dan Manual Saliran Mesra Alam 2000 (Jabatan Pengairan dan Saliran). ii. Bagi projek-projek yang tertakluk di bawah Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987, pihak pemaju hendaklah menyediakan peta geologi terain dan disertakan dalam Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling.

Sambungan Rajah 7.1.1

Tahap 3 (Kawasan Pembangunan Terkawal)	<p>iii. Kawasan tadahan untuk takat pengambilan air.</p> <p>iv. Rezab sungai yang telah diwartakan oleh JPS Pahang di bawah peruntukan Seksyen 62 Kanun Tanah Negara.</p>	<p>i. Aliran sungai dan anak sungai semula jadi hendaklah dikenakan dan dipelihara.</p> <p>ii. Sebarang pelepasan air dari kawasan pembangunan perlu dirawat terlebih dahulu sebelum dilepaskan ke alur sungai.</p> <p>iii. Pelepasan perindustrian perlu dirawat terlebih dahulu sebelum dilepaskan ke alur sungai dan mematuhi piawaian pelepasan air sisa yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan Dan Effluent-Effluent Perindustrian), 1979.</p> <p>iv. Mengawal pembangunan berhadapan sungai dan memulihara sungai, aktiviti perancangan guna tanah hendaklah merujuk dan mematuhi Garis Panduan Konsep Pembangunan Berhadapan Sungai yang disediakan oleh JPS.</p> <p>v. Rizab sungai hendaklah dijadikan sebagai jaluran hijau (penampang) bagi mengawal pencemaran hakisan permukaan, pencerobohan setinggan, dan sebagainya.</p> <p>vi. Bangunan-bangunan dan infrastruktur kekal tidak boleh berada di dalam sungai dan rezabnya.</p> <p>vii. Pembangunan berdensiti sederhana dan rendah di dalam koridor sungai untuk memelihara ekologi dan memelihara kualiti air.</p> <p>viii. Pembangunan sepanjang tebing sungai tertakluk kepada peruntukan Akta Perairan (Waters Act) 1920 yang disediakan oleh JPS.</p> <p>ix. Keperluan rizab sungai di kawasan pembangunan/perbandaran atau di kawasan di mana luahan air banjir tidak melebihi tebing sediaada, bergantung kepada keadaan setempat dan ditentukan mengikut kehendak rekabentuk sungai dengan keluasan minima 5.0 meter perlu disediakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan.</p> <p>x. Peruntukan kelebaran minima rizab sungai untuk mengawal pembangunan berhampiran sungai adalah seperti berikut :-</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Kelebaran Laluan Air Antara Tebing</th><th style="text-align: center;">Keperluan Kelebaran Rizab Dari Kedua Belah Tebing Berdasarkan Keluasan Sungai Sedia Ada</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Lebih dari 40 meter</td><td style="text-align: center;">50 meter</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">Antara 20 dan 40 meter</td><td style="text-align: center;">40 meter</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">Antara 10 dan 20 meter</td><td style="text-align: center;">20 meter</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">Antara 5 dan 10 meter</td><td style="text-align: center;">10 meter</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">Kurang dari 5 meter</td><td style="text-align: center;">5 meter</td></tr> </tbody> </table>	Kelebaran Laluan Air Antara Tebing	Keperluan Kelebaran Rizab Dari Kedua Belah Tebing Berdasarkan Keluasan Sungai Sedia Ada	Lebih dari 40 meter	50 meter	Antara 20 dan 40 meter	40 meter	Antara 10 dan 20 meter	20 meter	Antara 5 dan 10 meter	10 meter	Kurang dari 5 meter	5 meter
Kelebaran Laluan Air Antara Tebing	Keperluan Kelebaran Rizab Dari Kedua Belah Tebing Berdasarkan Keluasan Sungai Sedia Ada													
Lebih dari 40 meter	50 meter													
Antara 20 dan 40 meter	40 meter													
Antara 10 dan 20 meter	20 meter													
Antara 5 dan 10 meter	10 meter													
Kurang dari 5 meter	5 meter													
Tahap 3 (Kawasan Pembangunan Terkawal)	<p>v. Petempatan Orang Asli</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kg. Sungai Berjuang • Kg. Kuala Atok • Kg. Sg. Kuching • Kg. Sg. Keniam • Kg. Sg. Tiang • Kg. Sg. Tekal • Kg. Sg. Retang • Kg. K. Yong • Kg. Sg. Sat • Kg. Paya Lintah • Kg. Paya Petai • Kg. Sg. Bakong • Kg. Sg. Mai • Kg. Sg. Kiol 	<p>i. Menggunakan Akta 134, Akta Orang Asli 1954.</p> <p>ii. Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui pemberitahuan dalam Warta mengisyiharkan mana-mana kawasan Orang Asli yang diduduki kebanyakannya atau hanya Orang Asli yang belum lagi diisyiharkan sebagai rizab Orang Asli di bawah Seksyen 7 sebagai suatu kawasan Orang Asli.</p> <p>iii. Di dalam suatu kawasan Orang Asli :-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada tanah boleh diisyiharkan sebagai Rizab Orang Melayu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan Rizab Orang Melayu; • Tiada tanah boleh diisyiharkan sebagai suatu tempat perlindungan atau rizab di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perlindungan haiwan dan burung liar; • Tiada tanah boleh diberi hakmilik, diberikan, dipajakkan atau selainnya dilupuskan kepada orang yang bukan orang asli yang biasanya bermastautin di dalam kawasan orang asli itu atau kepada mana-mana perusahaan komersial tanpa berunding; dan • Tiada lesen bagi pemungutan hasil hutan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan hutan boleh dikeluarkan kepada orang yang bukan orang asli yang biasanya bermastautin di dalam kawasan Orang Asli itu atau kepada mana-mana perusahaan komersial. <p>iv. Sesuatu masyarakat orang asli yang bermastautin di dalam mana-mana kawasan yang diisyiharkan sebagai Rizab Orang Melayu, hutan rizab atau rizab margastua boleh terus bermastautin di dalamnya mengikut apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui kaedah-kaedah.</p>												